

## Terma dan Syarat Kad Kredit The Store - Hong Leong dan Kad Kredit Pacific - Hong Leong

Terma dan Syarat di bawah hendaklah dibaca bersama Perjanjian Pemegang Kad Hong Leong (“Perjanjian”). Kecuali dan melainkan variasi yang dinyatakan di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian akan berkuat kuasa. Jika terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan di antara terma dan syarat Perjanjian dengan terma dan syarat yang terkandung di sini, terma dan syarat yang terkandung di sini akan diguna pakai selagi ianya berkaitan ke atas Kad Kredit The Store – Hong Leong dan Kad Kredit Pacific - Hong Leong.

### Takrifan

- 1.1 “Bank” bermaksud Hong Leong Bank Berhad, sebuah institusi kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar di Hong Leong Bank Berhad, Aras 8, Wisma Hong Leong , 18, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia;
- 1.2 “Kitaran Pengebilan” bermaksud terbitan Penyata bulanan Jenama-bersama pada setiap bulan kalendar;
- 1.3 “Kad Jenama Bersama” bermaksud secara kolektifnya Kad Kredit The Store - Hong Leong dan Kad Kredit Pacific – Hong Leong, dan setiap satunya dirujuk sebagai “Kad Jenama Bersama”;
- 1.4 “Pemegang Kad” bermaksud nama individu yang tertera pada Kad Jenama Bersama, sama ada Pemegang Kad Prinsipal atau Tambahan;
- 1.5 “Program Rebat” bermaksud program di mana Pemegang Kad layak mendapat Rebat yang boleh dikumpul untuk penebusan Baucar Hadiah The Store dan/atau Pasaraya Besar Pacific sebagaimana ditentukan;
- 1.6 “Rebat” bermaksud rebat yang diperolehi oleh Pemegang Kad selaras dengan perbelanjaan yang dicajkan ke Kad Jenama Bersama kecuali perbelanjaan yang dikecualikan di bawah Klausa 4 di sini;
- 1.7 “Rebat Maksimum” bermaksud amaun maksimum Rebat yang boleh diperolehi oleh Pemegang Kad dalam tempoh satu Kitaran Pengebilan Kad Jenama Bersama atau sebarang tempoh lain yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa;
- 1.8 “Harga Ahli” bermaksud harga istimewa untuk Pemegang Kad untuk Produk dan Perkhidmatan Yang Disertai yang akan dinyatakan dan ditentukan oleh The Store dan/atau Pasaraya Besar Pacific dari semasa ke semasa;
- 1.9 “Manfaat Ahli” termasuk Harga Ahli dan/atau manfaat lain yang akan dinyatakan dan ditentukan oleh The Store dan/atau Pasaraya Besar Pacific dari semasa ke semasa;
- 1.10 “Pasaraya Besar Pacific” bermaksud rangkaian kedai, pasaraya dan/atau pasaraya besar runcit yang diuruskan dan dikendalikan di bawah nama “Pasaraya Besar Pacific” oleh PACIFIC HYPERMARKET & DEPARTMENTAL STORE SDN BHD (No. Syarikat 361202-X);
- 1.11 “Kad Kredit Pacific-Hong Leong” bermaksud kad kredit yang dikeluarkan oleh Bank dengan tanda dan/atau logo Pasaraya Besar Pacific,;
- 1.12 “The Store” bermaksud rangkaian kedai, pasaraya dan/atau pasaraya besar runcit yang diuruskan dan dikendalikan di bawah nama “The Store” oleh THE STORE (MALAYSIA) SDN BHD (No. Syarikat 8199-K);
- 1.13 “Kad Kredit The Store-Hong Leong” bermaksud kad kredit yang dikeluarkan oleh Bank dengan tanda dan/atau logo The Store;
- 1.14 “Produk dan Perkhidmatan Yang Disertai” bermaksud produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh The Store dan/atau Pasaraya Besar Pacific;
- 1.15 “Produk dan Perkhidmatan Yang Tidak Disertai” bermaksud produk dan perkhidmatan lain selain daripada Produk dan Perkhidmatan Yang Disertai;
- 1.16 “Baucar Hadiah” bermaksud baucar yang dikeluarkan oleh The Store dan/atau Pasaraya Besar Pacific kepada Pemegang Kad untuk tujuan penebusan Rebat;

- 1.17 “Bulan Penebusan” bermaksud bulan-bulan yang dinyatakan dalam Klausa 9 di bawah untuk penebusan automatik Rebat kepada Pemegang Kad dalam bentuk Baucar Hadiah;
- 1.18 “RM” bermaksud Ringgit Malaysia.
- 1.19 “Penyata” bermaksud penyata bulanan yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad yang menunjukkan jumlah baki tunggakan, sebarang caj kewangan, yuran, caj, amaun minimum perlu dibayar dan tarikh bayaran perlu dibayar.

#### **Yuran Pemprosesan Tahunan**

2. Pemegang Kad boleh menikmati Harga Ahli dan Manfaat Ahli yang ditawarkan oleh The Store dan/atau Pasaraya Besar Pacific tertakluk kepada membayar Yuran Pemprosesan Tahunan yang dikenakan oleh THE STORE CARD SDN BHD (No. Syarikat 283131-H) (“The Store Card Sdn Bhd”).
- 2.1 Tiada Yuran Pemprosesan Tahunan dikenakan oleh The Store Card Sdn Bhd untuk tahun pertama. Untuk tahun berikutnya, Yuran Pemprosesan Tahunan akan dikenakan mengikut jenis kad Prinsipal:
- 2.1.1 Kad Jenama-Bersama Emas - RM 20.00 (tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan) setahun atau sebarang amaun lain yang akan ditentukan oleh The Store Card Sdn Bhd.
- 2.1.2 Kad Jenama-Bersama Platinum - RM 40.00 (tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan) setahun atau sebarang amaun lain yang akan ditentukan oleh The Store Card Sdn Bhd.
- 2.2 Jika Kad Jenama-Bersama masih sah dan tidak dibatalkan atau digantung oleh Pemegang Kad dan/atau Bank, pembaharuan tahunan dengan The Store Card Sdn Bhd perlu dibuat oleh Pemegang Kad untuk meneruskan kelayakan Pemegang Kad mendapat Manfaat Ahli. Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara ke atas sebarang penggantungan, penamatan atau pembatalan Manfaat Ahli oleh The Store dan/atau Pasaraya Besar Pacific.
- 2.3 Yuran Pemprosesan Tahunan akan dicaj secara automatik kepada Akaun Kad Jenama Bersama milik Pemegang Kad dan dipaparkan dalam Penyata bulanan Kad Jenaman-Bersama yang dikeluarkan oleh Bank untuk Kitaran Pengebilan berkenaan.

#### **Program Rebat**

3. Pemegang Kad layak untuk mendapat Rebat berikut:

Jumlah perbelanjaan menggunakan Kad Jenama-Bersama dalam kitaran pengebilan	Rebat Tunai	Rebat Tunai Maksimum yang Dibenarkan
RM1 hingga RM1,500 pertama atas Produk dan Perkhidmatan Yang Disertai	3%	RM45
RM1,501 berikutnya dan ke atas atas Produk dan Perkhidmatan Yang Disertai	6%	RM30
Sebarang amaun atas Produk dan Perkhidmatan Yang Tidak Disertai	0.5%	Tiada Had Maksimum

Ilustrasi:

Senario	Jumlah perbelanjaan dalam kitaran pengebilan atas Produk dan Perkhidmatan Yang Disertai	Jumlah perbelanjaan dalam kitaran pengebilan atas Produk dan Perkhidmatan Yang Tidak Disertai	Rebat Tunai 3%	Rebat Tunai 6%	Rebat Tunai 0.5%
1	RM1,200	RM1,000	RM36 (RM1,200 x 3%)	–	RM5
2	RM2,300	RM2,000	RM45 (RM1,500 x 3%)	RM30 (RM800 x 6%)* *Tertakluk kepada Rebat Tunai Maksimum sebanyak RM30	RM10
3	RM1,800	RM1,500	RM45 (RM1,500 x 3%)	RM18 (RM300 x 6%)	RM7.50

4. Untuk mengelakkan keraguan, Rebat tidak akan diberikan untuk mana-mana yang berikut:-
  - 4.2 Pendahuluan tunai atau pengeluaran tunai yang didebitkan kepada akaun Kad Jenama-Bersama;
  - 4.3 Bayaran untuk Call-for-Cash atau program serupa dengan apa jua nama diberi;
  - 4.4 Bayaran untuk Extended Payment Plan (EPP), Flexi Payment Plan (FPP), Balance Transfer, CASH-ON-CALL ('COC'), Flexi Payment Plan (FPP), My Payment Plan atau program serupa dengan apa jua nama diberi, yang disediakan oleh Bank;
  - 4.5 Bayaran untuk sebarang yuran dan/atau caj yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh bank yang perlu dibayar untuk atau berkaitan dengan Kad Jenama-Bersama, termasuk dan tanpa had kepada yuran pemprosesan tahunan, yuran tahunan, caj kewangan, caj kendalian dan caj bayaran lewat;
  - 4.6 Cukai Kerajaan (jika berkenaan ) atau sebarang cukai serupa dengan apa jua nama diberi;
  - 4.7 Caj kepada Kad Jenama-Bersama yang dipertikaikan oleh Pemegang Kad, sama ada Prinsipal atau Tambahan, yang kemudiannya diterbalikkan oleh Bank.
  - 4.8 Semua transaksi berkaitan dengan kerajaan dan transaksi/ pembayaran online melalui HL Connect
5. Rebat yang diperolehi dikumpul pada setiap Kitaran Pengebilan.
6. Pemegang Kad boleh memperolehi sehingga Rebat Maksimum sehingga RM75.00 pada setiap Kitaran Pengebilan berdasarkan perbelanjaan menggunakan Kad Jenama-Bersama dan tiada Rebat tambahan akan diberikan untuk Kitaran Pengebilan tersebut apabila Pemegang Kad telah mencapai Rebat Maksimum.

7. Rebat yang dikumpul oleh Pemegang Kad Tambahan akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Jenama-Bersama Pemegang Kad Prinsipal. Jumlah Rebat yang dikumpul oleh Pemegang Kad, sama ada Prinsipal atau Tambahan, akan dipaparkan dalam Penyata bulanan Pemegang Kad.

#### **Penebusan Rebat**

8. Rebat akan ditukar secara automatik dan ditebus dalam bentuk Baucar Hadiah pada setiap bulan Mac, Jun, September dan Disember setiap tahun ("Bulan Penebusan").
9. Pemegang Kad dengan ini mengesahkan bahawa terdapat selang masa di antara transaksi dibuat menggunakan Kad Jenama-Bersama dan pengkreditan Rebat ke dalam akaun Kad Jenama-Bersama Pemegang Kad. Oleh itu, Bank tidak mewakili atau menjamin bahawa Rebat yang dikumpul sebelum Bulan Penebusan akan tersedia serta-merta untuk penebusan semasa Bulan Penebusan tersebut.
10. Setiap pengumpulan minimum Rebat RM10.00 ("Amaun Minimum") semasa Bulan Penebusan ditukar kepada kelayakan yang bersamaan dengan satu (1) baucar Hadiah dalam denominasi RM10.00 tertakluk kepada syarat berikut:-
  - 10.1 Rebat yang diperolehi oleh Pemegang Kad memenuhi syarat Amaun Minimum;
  - 10.2 Jika Rebat kurang daripada Amaun Minimum, penebusan akan ditunda sehingga Amaun Minimum dicapai;
  - 10.3 Rebat tidak dikumpul secara penipuan, atau penggunaan Kad Jenama-Bersama tanpa kebenaran, sebagaimana ditentukan oleh Bank;
  - 10.4 Kad Jenama-Bersama adalah sah dan mempunyai reputasi kredit yang baik;
  - 10.5 Akaun Kad Jenama-Bersama tidak mengingkari mana-mana bayaran tunggakan;
  - 10.6 Akaun Kad Jenama-Bersama tidak melebihi had kredit diluluskan; dan
  - 10.7 Kad Jenama-Bersama tidak disekat, digantung, dibatal atau ditamatkan oleh Pemegang Kad dan/atau Hong Leong Bank atas sebarang sebab.
11. Sebarang Rebat yang tidak ditebus (ditunda akibat tidak memenuhi syarat Amaun Minimum seperti ditakrifkan dalam Klausa 10 di atas atau akibat selang masa untuk pengkreditan Rebat ke dalam akaun Kad Jenama-Bersama Pemegang Kad) akan dikumpul dan dibawa ke hadapan kepada Kitaran Pengebilan berikutnya.
12. Sebarang kejadian berikut akan menyebabkan Rebat terbatal dan/atau tidak sah, tanpa sebarang pengembalian, lanjutan atau pampasan oleh Bank:-
  - 12.1 Pembatalan dan/atau penamatan Kad Jenama-Bersama oleh Pemegang Kad dan/atau Bank atas sebarang sebab;
  - 12.2 Akaun Kad Jenama-Bersama telah tertunggak;
  - 12.3 Program rebat ditamatkan oleh Bank, The Store dan/atau Pasaraya Besar Pacific atas sebarang sebab;
  - 12.4 Penipuan atau penggunaan Kad Jenama-Bersama tanpa kebenaran, sebagaimana ditentukan oleh Bank;
  - 12.5 Apabila Pemegang Kad meninggal dunia;
  - 12.6 Rebat telah melebihi tarikh luput 3 tahun dari tarikh pengumpulan ("Tarikh Luput").

Ilustrasi:

Tahun Rebat Dikumpul	Tarikh Luput Rebat Berkuat Kuasa
1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014	31 Disember 2017
1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015	31 Disember 2018
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016	31 Disember 2019
1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017	31 Disember 2020

13. Selepas penukaran Rebat dari akaun Kad Jenama-Bersama kepada Baucar Hadiah, Rebat yang ditukar dan ditebus akan terhapus dan tidak boleh dikembalikan atas sebarang sebab.
14. Rekod Bank mengenai perbelanjaan oleh Pemegang Kad adalah bukti konklusif jumlah Rebat diperolehi oleh Pemegang Kad.
15. Hanya Pemegang Kad Prinsipal layak menikmati penebusan Rebat untuk Baucar Hadiah semasa hayat Pemegang Kad.
16. Pemegang Kad tidak berhak menyertai sebarang program ganjaran lain yang ditawarkan oleh Bank yang berkaitan dengan kad kredit yang dikeluarkan oleh Bank selain daripada Kad Jenama-Bersama.

#### **Baucar Hadiah**

17. Baucar Hadiah akan dihantar kepada Pemegang Kad di alamat pengebilan terakhir yang diketahui bersama Penyata bulanan Kad Jenama-Bersama pada Bulan Penebusan.
18. Terma dan syarat berikut berkuat kuasa ke atas Baucar Hadiah:-
  - 18.1 Baucar Hadiah hanya boleh digunakan untuk membeli Produk dan Perkhidmatan Yang Disertai sahaja;
  - 18.2 Baucar Hadiah sah untuk tiga (3) bulan dari tarikh ia dikeluarkan atau sebarang tempoh lain yang akan ditentukan oleh The Store dan/atau Pasaraya Besar Pacific dari semasa ke semasa ("Tempoh Sah")
    - (i) Baucar Hadiah yang dikeluarkan pada bulan Mac tahun tersebut akan sah sehingga 30 Jun pada tahun yang sama.
    - (ii) Baucar Hadiah yang dikeluarkan pada bulan Jun tahun tersebut akan sah sehingga 30 September pada tahun yang sama
    - (iii) Baucar Hadiah yang dikeluarkan pada bulan September tahun tersebut akan sah sehingga 31 Disember pada tahun yang sama
    - (iv) Baucar Hadiah yang dikeluarkan pada bulan Disember tahun tersebut akan sah sehingga 30 Mac tahun berikutnya.
  - 18.3 Jika Baucar Hadiah masih tidak digunakan selepas Tempoh Sah yang dinyatakan, Baucar Hadiah akan luput dan tidak akan diganti oleh The Store dan/atau Pasaraya Besar Pacific atas sebarang sebab.
  - 18.4 Bank, The Store dan/atau Pasaraya Besar Pacific tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang Baucar Hadiah yang hilang, diconteng, koyak, rosak, dicuri atau tidak diterima;
  - 18.5 Jika Baucar Hadiah digunakan untuk nilai barangan yang kurang daripada amaun Baucar Hadiah, perbezaan tersebut tidak boleh ditunaikan;
  - 18.6 Jika nilai Baucar Tunai adalah kurang daripada nilai barangan yang dibeli, Pemegang Kad dikehendaki membayar perbezaan nilai tersebut;
  - 18.7 Pemegang Kad dengan ini menerima dan bersetuju untuk terikat dengan sebarang terma dan syarat lain yang mungkin ditetapkan oleh The Store dan/atau Pasaraya Besar Pacific dari semasa ke semasa;
  - 18.8 The Store dan/atau Pasaraya Besar Pacific berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan menggunakan Kad Jenama-Bersama untuk penebusan baucar Hadiah;
  - 18.9 Setiap baucar Hadiah hanya sah untuk digunakan satu (1) kali sahaja sepanjang Tempoh Sah, dan mesti diserahkan bersama Kad Jenama-Bersama di outlet The Store atau Pasaraya Besar Pacific, yang mana berkenaan, semasa ia digunakan;
  - 18.10 Terma dan syarat tambahan yang mengawalselia penggunaan Baucar Hadiah telah dicetak di bahagian belakang Baucar Hadiah berkenaan.

19. Keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Program Rebat, Penebusan Rebat dan/atau Baucar Hadiah adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad Jenama-Bersama, dan sebarang rayuan tidak akan dilayan oleh Bank.
20. Rebat dan/atau Baucar Hadiah tidak boleh dijual, tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk tunai, kredit atau barangan, sebahagian atau sepenuhnya.
21. Bank berhak untuk mengubah, memadam, menambah atau meminda terma dan syarat yang terkandung di sini dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad, termasuk tetapi tidak terhad kepada hak kelayakan dan kriteria Rebat, kaedah pengiraan dan pemberian Rebat dan penebusan Baucar Hadiah.
22. Bank berhak untuk menolak dan/atau membatalkan sebarang Rebat daripada mana-mana akaun Kad Jenama-Bersama dengan memberi notis awal.